

Jumaat, 13 September 2019 | 10:01pm



Anggota polis menunjukkan mesin untuk memproses ubat-ubatan, disyaki tidak mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan dan KPDNHEP dalam serbuan di sebuah rumah di Kuching. - Ihsan PGA

## Lokasi proses ubat tiruan diserbu

Oleh Muhd Amirul Faiz Ahmad

amifaiz@bh.com.my

**KUCHING:** Batalion 11 Pasukan Gerakan Am (PGA) Kuching berjaya melumpuhkan kegiatan memproses ubat tiruan bernilai RM957,812 dalam serbuan di sebuah rumah di Jalan Stutong, di sini petang semalam.

Pegawai Pemerintah Batalion 11 PGA Kuching, Superintendant Rosdi Inai, berkata berdasarkan modus operandi digunakan, kesemua ubat tiruan berkenaan dipercayai diseludup masuk dari China untuk pasaran tempatan.

Beliau menjelaskan dalam serbuan kira-kira jam 4 petang itu, seorang lelaki tempatan berusia 42 tahun, dipercayai penjaga premis berkenaan, turut ditahan untuk membantu siasatan.

"Serbuan ke atas rumah berkenaan membawa kepada penemuan pelbagai peralatan dan barang yang dipercayai digunakan untuk memproses ubat-ubatan yang tidak mendapat kelulusan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)."

“Kami menasihatkan kepada masyarakat agar jangan mudah terpedaya dengan penjualan ubat yang tidak mendapat kelulusan walaupun ditawarkan pada harga jauh lebih rendah kerana berisiko mendatangkan mudarat,” katanya dalam satu kenyataan, di sini hari ini.

Selain 13 pegawai dan anggota dari Batalion 11 PGA Kuching diketuai Asisten Superintenden Mohd Mazlan Mohd Arif, operasi itu turut disertai empat pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan lima pegawai Kementerian Kesihatan.

Rosdi ketika mengulas lanjut, berkata hasil risikan mendapati kediaman itu dijadikan tempat penyimpanan dan pemprosesan ubat tiruan.

“Lelaki yang ditahan itu gagal menunjukkan sebarang dokumen dan kebenaran memproses ubat berkenaan. Berdasarkan maklumat, ubat-ubatan tiruan itu diproses di premis berkenaan untuk dipasarkan di pasaran tempatan,” katanya.

Katanya, suspek ditahan kemudian diserahkan kepada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuching, manakala barang rampasan diserahkan kepada pihak Kementerian Kesihatan untuk tindakan lanjut.

“Kes disiasat mengikut Akta Racun 1952 dan Akta Jualan Dadah 1952,” katanya.

